

KALIMAH ALLAH DALAM AL-QURAN: ANALISIS TEMATIK

Sahlawati Abu Bakar

sahlawati@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Perbincangan mengenai kalimah Allah telah menjadi satu isu dan polemik dalam perbincangan agama lain di Malaysia. Ianya dibincangkan dari pelbagai aspek seperti undang-undang, misionari, politik dan kebebasan agama. Namun begitu aspek utama yang perlu diberi penekanan ialah bagaimana Al-Quran yang merupakan kalam Allah s.w.t. menjelaskan sendiri nama tersebut. Oleh yang demikian kajian ini akan menganalisis secara tematik kalimah Allah yang terdapat di dalam al-Quran dengan menggunakan metode analisis kalimah secara maudhu'i. Metode yang digunakan ialah analisis dokumen yang dibuat secara induktif. Terdapat 980 kalimah Allah di dalam al-Quran dan kajian hanya akan membincangkan 25 kalimah sahaja berdasarkan fungsi kalimah tersebut dalam konteks ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kalimah Allah yang disebut di dalam al-Quran mempunyai empat fungsi iaitu menjelaskan Allah s.w.t. adalah Tuhan yang Esa, menegah perbuatan syirik terhadapNya, memberikan balasan yang pedih bagi mereka yang engkar dan kufur dan menegaskan umat Islam untuk beribadah hanya kepada Allah s.w.t. Justeru perbincangan mengenai kalimah Allah akan lebih terpadu dan tepat sekiranya rujukan dibuat kepada sumber utama iaitu al-Quran sendiri.


Kata Kunci: kalimah Allah, Allah s.w.t., tematik, metode analisis kalimah.

1.0 PENGENALAN

Penjelasan mengenai kalimah Allah adalah satu perkara yang penting supaya ianya tidak mudah untuk diselewengkan oleh agama lain. Tanggungjawab membela nama yang mulia ini adalah tanggungjawab bersama dalam menegakkan agama dan mengukuhkannya. Allah s.w.t. menjelaskan namaNya dengan begitu banyak dan terperinci dalam al-Quran. Oleh yang demikian al-Quran merupakan sumber terbaik dalam memahami kalimah ini yang juga merupakan metode memahami al-Quran secara *ma'thur* iaitu mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran. Kalimah Allah dalam al-Quran jika diteliti mempunyai fungsi-fungsinya yang tersendiri. Fungsi ini memberikan penjelasan yang terbaik dalam menghayati nama yang suci dan mulia ini.

2.0 REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode analisis kalimah secara mawdhu'i yang dikemukakan oleh Dr. Salah Abd al-Fattah al-Khalidy.



3.0 MAKNA KALIMAH ALLAH S.W.T

Kalimah Allah berasal dari perkataan (الله). Ia membawa beberapa maksud menurut mu'jam berikut:

i. *Maqayis al-Lughah* (Ibnu Faris, 44:1994)

Berasal dari *hamzah*, *lam* dan *ha'* yang bermaksud pengabdian. Maka *ilah* adalah Allah s.w.t. kerana Dia disembah.

ii. *Mufradat al-Alfaz al-Quran* (Al-Raghib al-Asfahani, 97:1997)

Imam al-Raghib kalimah *ilah* mempunyai empat asal:

a. الله tanpa hamzah dan dimasukkan *alif* dan *lam*. Ianya dikhususkan kepada nama bagi setiap yang disembah seperti matahari yang dijadikan sembah.

b. الله iaitu membingungkan. Penamaan ini adalah kerana mengagungkan sifat Allah s.w.t. dan manusia akan kebingungan bila memikirkan zat Allah s.w.t. seperti diriwayatkan ((تفكروا في آلاء الله ولا تفكروا في الله))).

c. ولاه yang ditukarkan *hamzah* dengan *waw* yang bermaksud ketaksuban dalam kecintaan. Penamaan ini adalah kerana setiap makhluk sangat taksub mencintai Allah s.w.t.

d. لياها، يلوه، لاه، yang bermaksud dihijab seperti yang diisyaratkan dalam firman Allah s.w.t.:

{لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ} (الأنعام/103).

4.0 FUNGSI KALIMAH ALLAH DALAM AL-QURAN

Kajian mendapati terdapat empat fungsi kalimah Allah dalam Al-Quran.

Fungsi Pertama: Menjelaskan Allah s.w.t. adalah Tuhan yang Esa.

Sepertimana yang dijelaskan dalam ayat-ayat berikut:

a. Surah al-Baqarah: 163

وَاللَّهُمَّ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾

163. Dan Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain dari Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

b. Al-Baqarah: 255

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

255. Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang tetap hidup, yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmunya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah Yang Maha tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha besar (kekuasaanNya).

c. Ali-Imran: 18

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَابِئًا بِالْقِسْطِ ۗ لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

18. Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

d. Ali-Imran: 62

إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ ۗ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ ۗ وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦٢﴾

62. Sesungguhnya ini ialah kisah-kisah yang benar; dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah; dan (ingatlah), Sesungguhnya Allah, Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

e. Al-Nisa': 87

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۖ لِيَجْمَعَنَّكُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ ۗ لَا رَيْبَ فِيهِ ۗ وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللَّهِ حَدِيثًا ﴿٨٧﴾

87. Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia. Sesungguhnya ia akan menghimpunkan kamu pada hari kiamat, (hari) yang tidak ada syak padanya. dan siapakah pula yang lebih benar perkataannya daripada Allah?.

Ayat 163 surah al-Baqarah menjelaskan bahawasanya Allah s.w.t. mengkhabarkan keadaannya yang tunggal dalam uluhiyyah bahkan Dialah Yang Maha Esa al-Ahad al-Samad (Ibn Kathir, 34:1993). Diriwayatkan dalam hadis bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Nama Allah yang paling agung adalah dalam dua ayat ini;

{ وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ } و { اَللّٰهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ }¹

¹ "رواه أبو داود في السنن برقم (1496) والترمذي في السنن برقم (3478) وقال الترمذي: "هذا حديث حسن صحيح"

Manakala ayat 18 dan 62 surah Ali Imran menjelaskan suruhan Allah s.w.t. bagi kesemua makhluk sebagai contoh bagaimana Allah s.w.t. menjadikan Nabi Adam a.s pada permulaannya dan Nabi Isa a.s tanpa bapa.

Fungsi Kedua: Menegah perbuatan syirik terhadapNya.

Sepertimana yang dijelaskan dalam ayat-ayat berikut:

a. Luqman: 31

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿٣١﴾

13. Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: " Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

b. Yusuf: 38

وَاتَّبَعْتُ مِلَّةَ آبَائِي إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ مَا كَانَ لَنَا أَنْ نُشْرِكَ بِاللَّهِ مِنْ شَيْءٍ ذَٰلِكَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ عَلَيْنَا وَعَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٨﴾

38. "Dan aku menurut agama bapa dan datuk nenekku: Ibrahim dan Ishak serta Yaakub. tidaklah sepatutnya kita mempersekutukan sesuatupun dengan Allah. Mentauhid - mengesakan Allah ialah hasil dari limpah kurnia Allah kepada kita dan kepada umat manusia. tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.

c. Al-Nisa': 48

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

48. Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). dan sesiapa yang

mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.

d. Al-Nisa': 116

﴿ إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴾

116. Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukanNya dengan sesuatu (Apa jua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut peraturan hukum-hukumNya); dan sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu (apa jua), maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.

e. Al-Maidah: 72

﴿ لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ ۗ وَقَالَ الْمَسِيحُ يَبْنَىٰ إِسْرَائِيلَ أَعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي

وَرَبَّكُمْ ۗ إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ ۗ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ﴾

72. Demi sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah Al-Masih Ibnu Maryam". padahal Al-Masih sendiri berkata: "Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim".

Ayat 48 dan 116 surah al-Nisa' jelas memberitahu bahawa Allah s.w.t. tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukannya manakala ayat 72 surah al-Maidah penegasan balasan orang yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu akan ditempatkan di dalam neraka dan diharamkan baginya syurga (Al-Jazairi, 19:2000).

Fungsi Ketiga: Memberikan balasan yang pedih bagi mereka yang engkar dan kufur.

Sepertimana yang dijelaskan dalam ayat-ayat berikut:

a. Al-Baqarah: 7

حَتَمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى أَبْصَرِهِمْ غِشْوَةً وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٧﴾

7. (dengan sebab keingkaran mereka), Allah mematerikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar.

b. Al-Baqarah: 10

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

10. Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).

c. Al-Baqarah: 15

اللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٥﴾

15. Allah (membalas) memperolok-olok, dan membiarkan mereka meraba-raba dalam kesesatan mereka (yang melampaui batas itu).

d. Al-Baqarah: 17

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٧﴾

17. Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun).

e. Al- Baqarah: 19

أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصْبِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ وَاللَّهُ

مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ ﴿١٩﴾

19. Atau (bandingannya) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, bersama dengan gelap-gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu.

Allah s.w.t. sangat tegas terhadap golongan yang kafir dan munafik kerana setelah diberikan peringatan mereka tetap kufur. Maka Allah s.w.t. menambahkan lagi kekufuran mereka dan ditutup mata dan pendengaran daripada mendapat hidayah daripada Allah s.w.t. (Al-Jazairi,66:2000).

Fungsi Keempat: Menegaskan umat Islam untuk beribadah hanya kepada Allah s.w.t.

Sepertimana yang dijelaskan dalam ayat-ayat berikut:

a. Al-Nisa': 36

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۖ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ

وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

﴿٣٦﴾

36. Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar,

dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri;

b. Al-A'raf:59

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَقَالَ يَنْقَوْمِ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّ إِلَهٍ غَيْرُهُ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ

عَظِيمٍ ﴿٥٩﴾

59. Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya Aku bimbang, kamu akan ditimpa azab hari yang besar (hari kiamat)"

c. Al-Nahl: 36

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۚ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَىٰ اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ

حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ ۚ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكذِّبِينَ ﴿٣٦﴾

36. Dan Sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulNya.

d. Al-Mu'minun: 32

فَأَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّ إِلَهٍ غَيْرُهُ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣٢﴾

32. Lalu Kami mengutus kepada mereka seorang Rasul daripada kalangan mereka (dengan berfirman melalui Rasul itu): "Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak

ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Oleh itu tidakkah kamu mahu bertaqwa kepadanya?"

e. Nuh: 3

أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ وَاتَّقُوهُ وَأَطِيعُوا

3. "Iaitu sembahlah kamu akan Allah dan bertaqwalah kepadaNya, serta taatlah kamu kepadaku.

Tujuan utama manusia diciptakan oleh Allah s.w.t. adalah untuk mengabdikan diri kepadaNya dan menyembahNya tanpa mempersekutukanNya dengan yang lain. Allah s.w.t. menjelaskan bahwa sunnahNya terhadap hamba ialah mengutuskan rasul kepada mereka dan memerintahkan supaya beribadah kepadaNya dan menegah daripada menyembah Taghut (al-Razi, 23:1995).

4.0 KESIMPULAN

Kalimah Allah yang terkandung dalam kalimah tawhid لا إله إلا الله mengandung penafian yang jelas dan larangan mengaitkan Allah s.w.t. dengan yang lain serta pengisbatan bahawa yang layak disembah hanyalah Allah s.w.t. (Md Asham, 34:2010). Kalimah ini tidak boleh disalahgunakan kerana Allah s.w.t. mencela perbuatan orang kafir dan munafik yang engkar dengan perintah Allah s.w.t. Al-Quran juga menyatakan celaan yang diberikan kepada orang kafir yang menyelewengkan kalimah Allah yang mulia ini. Firman Allah s.w.t.:

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ ۗ وَقَالَ الْمَسِيحُ يَبْنِي إِسْرَائِيلَ أَعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ ۗ إِنَّهُ مَن يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ ۗ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِن أَنْصَارٍ ﴿٧٢﴾

72. Demi sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah Al-Masih Ibnu Maryam". padahal Al-Masih sendiri berkata: " Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim".

Al-Maidah: 72

FirmanNya lagi:

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ ۗ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا إِلَهُ وَاحِدٌ ۗ وَإِن لَّمْ يَنْتَهُوا عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمَسَّنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

73. Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah salah satu dari tiga tuhan". padahal tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan Yang Maha Esa. Dan jika mereka tidak berhenti dari apa yang mereka katakan itu, sudah tentu orang-orang yang kafir dari antara mereka akan dikenakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Al-Maidah: 73

Kesimpulannya umat Islam perlu merujuk kepada Al-Quran yang telah menerangkan kalimah Allah dengan begitu jelas dan teratur bagi orang yang berakal.

RUJUKAN

- Ahmad, Md Asham. 2010. *Antara Nama Dan Hakikat Kemelut Kalimah Allah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Ba'albaqi, Ruhi. 2001. *Al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayiin.
- Al-Baqi, Muhammad Fuad Abd. 1994. *Mu'jam mufahhras li alfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Jazairi, Abu Bakar Jabir. 2000. *Aysar al-Tafasir*. Madinah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Razi. 1995. *Tafsir al-Razi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Faris, Ahmad. 1994. *Mu'jam Maqayis fi al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, Ismail ibn Umar. 1993. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Raghib al-Asfahani. 1997. *Mufradat al-faz al-Quran*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Selangor Islamic Religious Council (MAIS). 2013. *Obligation To Preserve The Sanctity of The Name Allah*. Selangor: MAIS.